


1 - 15 OKTOBER, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Selenggara projek perumahan DEMI SELESA RAKYAT

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PANTAI JEREJAK -** Kerajaan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) yang ditubuhkan sejak tahun 2014 telah membelanjakan lebih RM100 juta untuk menyelenggara skim-skim perumahan kos rendah dan sederhana rendah di seluruh negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa TPM80PP ditubuhkan ekoran Kerajaan Negeri cakna akan nasib penghuni membabitkan skim-skim perumahan tersebut yang rata-ratanya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40).

"Atas kesedaran ini, walaupun sumber kewangan perlu dicari, kita (Kerajaan Negeri) mulakan program untuk membantu rakyat jelata sejak 2014 lagi.

"Sehingga kini, sudah masuk lapan tahun kita melaksanakan program sedemikian, wang yang dibelanjakan Kerajaan Negeri sudah lebih RM100 juta.

"Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri prihatin membantu golongan berpendapatan rendah memperbaiki kemudahan-kemudahan di perumahan mereka seperti kerja-kerja mengecat, membaiki lif, membaiki tangki, parit, menggantikan bumbung dan sebagainya yang merupakan perkara-perkara kritikal untuk keselesaan penduduk," ujarnya pada Majlis Penyempurnaan Pengecatan Semula dan Pembaikan Kritikal di Flat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) Jalan Tengah Bersempena Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Bayan Baru di sini pada 12 Ogos lalu.



AKSI pesilat-pesilat muda yang tidak melepaskan peluang merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersempena Siri Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Seri Saifuddin Nasution Ismail; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya (DBD), Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Menurut Kon Yeow, beliau dimaklumkan bahawa projek pengecatan serta pembaikan kritikal melibatkan bumbung dan paip di 12 blok Flat PDC Jalan Tengah telah disiapkan pada tahun lalu.

"Saya amat berpuas hati dengan hasil kerja bagi projek pengecatan dan pembaikan kritikal ini, dan berharap agar para penghuni terutamanya dapat memberikan kerjasama yang baik daripada aspek kebersihan serta keselamatan bersama.

"Jumlah keseluruhan kos yang terlibat ialah RM1,349,715.20 dan dibiayai mengikut kaedah pembiayaan 80 peratus oleh PDC bersamaan RM1,079,772.10; Kerajaan Negeri (10 peratus atau bersamaan RM134,971.52) manakala Ahli Parlimen Bayan Baru, ADUN Pantai Jerejak dan penduduk (10 peratus, RM134,971.52)," ulasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

# YIPP meterai MoU realisasi penubuhan Sekolah Antarabangsa Islam pertama

Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**


IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) menyaksikan majlis pertukaran dokumen antara YIPP dan *Alnoor Foundation* seusai majlis menandatangani MoU di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama *Alnoor Foundation* bagi mewujudkan Sekolah Antarabangsa Islam pertama di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa sebidang tanah milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkeluasan lima hektar dekat Lintang Sungai Ara telah dikenal pasti untuk tujuan tersebut.

"YIPP sebelum ini sememangnya diberi peluang untuk meneroka bidang pendidikan umat Islam di negeri ini.

"Matlamat MoU ini adalah untuk menawarkan pilihan pendidikan Islam bertaraf antarabangsa kepada rakyat Pulau Pinang dan utara Malaysia yang ingin mendapatkan pendidikan pada peringkat tadika, rendah dan menengah dalam bidang agama dengan silibus pembelajaran bertaraf antarabangsa.

"Selain itu, MoU ini juga bertujuan menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pendidikan bukan sahaja kepada negeri di kawasan utara, bahkan mampu menjadi tarikan kepada pelajar dalam dan luar negara untuk melanjutkan pelajaran dalam pendidikan agama dengan penarafan antarabangsa," ujarnya pada majlis menandatangani MoU berkaitan di sini pada 9 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Pengurus Besar YIPP, Mohd. Fitri Ibrahim; Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Norazmi Mohd. Narawi dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Alnoor, Dr. Waleed Almualimi.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi, dan Pemerkasaan Komuniti berkata bahawa projek tersebut juga dilihat selari dengan visi Khaira Ummah 2030 yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Visi ini memberikan fokus kepada ekonomi dan pendidikan agar umat Islam khasnya di Pulau Pinang tidak ketinggalan dalam mengecapi kemajuan," katanya yang juga Yang Dipertua MAINPP.

Difahamkan, *Alnoor Foundation* kini sedang mengoperasikan Sekolah Antarabangsa miliknya iaitu *International Modern Arabic School* (IMAS) di Putrajaya.

## Projek kuarters pekerja berpusat batal

**GEORGE TOWN –** Cadangan untuk membangunkan Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) di kawasan taman industri baharu, Taman Teknologi Pulau Pinang di Bertam, Seberang Perai Utara tidak akan diteruskan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pihak pemaju telah memaklumkan hasrat untuk tidak meneruskan cadangan pembangunan projek berkaitan setelah mengambil kira pandangan daripada pemegang taruh termasuk penduduk setempat, pimpinan tempatan serta jabatan-jabatan teknikal terlibat.

"Saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemantau Penang Technology Park gembira apabila mendapat makluman daripada pemaju yang bersetuju untuk membatalkan pembangunan CLQ seperti yang terkandung dalam pelan terdahulu.

"(Dan) akan terus memantau pelaksanaan projek (Taman Teknologi Pulau Pinang) bagi memastikan projek ini menghasilkan manfaat sepenuhnya kepada penduduk dan negeri ini.

"Di samping itu, (diharapkan) pembangunan projek ini akan mengurangkan implikasi negatif yang mungkin dibawa oleh pembangunan industri berteknologi di sini," ujarnya pada sidang media yang diadakan di Komtar pada 4 Ogos 2022.

Menurut Ahmad Zakiyuddin, pihak pemaju akan memfokuskan pembinaan kilang berteknologi tinggi mengikut spesifikasi ditetapkan oleh jabatan teknikal dan pihak berkuasa tempatan.

"Pihak pemaju kini dalam proses menawarkan tapak-tapak (di Taman Teknologi Pulau Pinang) kepada industri.

"(Dan) selepas itu, sekiranya ada keperluan untuk membangunkan penginapan pekerja akan diketahui keperluannya, sama ada perlu atau tidak.

"Kerajaan Negeri berpandangan sekiranya ada keperluan pihak industri patut menguruskan penempatan pekerja dan menggalakkan pihak industri untuk sama-sama memikirkan jika diperlukan (membangunkan CLQ) di kawasan industri," jelasnya sebagai respons terhadap pertanyaan media.

Sebelum ini, terdapat bantahan daripada penduduk sekitar yang bimbang wujudnya pelbagai masalah sosial dan kesihatan di kawasan itu kelak sekiranya cadangan untuk membangunkan CLQ diteruskan dengan melibatkan jumlah unit sebanyak 977 unit secara berfasa.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Pusat Komuniti KADUN Air Itam tambah nilai pembangunan sosial komuniti

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & ADUN**





**JOSEPH Ng Soon Siang.**



**PUSAT Komuniti KADUN Air Itam yang terletak di Lintang Kampung Melayu 1.**

**SEJAK** pembukaan Pusat Komuniti Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam pada April 2021, bukan sahaja telah memudahkan komuniti di sini malah juga memberi nilai tambah terhadap sistem pengurusan peringkat akar umbi sedia ada.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, **JOSEPH NG SOON SIANG** berkata bahawa pusat berkaitan bukan hanya dijadikan lokasi untuk penganjuran program dan aktiviti peringkat KADUN semata-mata malah juga bertindak sebagai pusat informasi untuk komuniti setempat.

Menurut beliau, mulanya pusat tersebut diwujudkan sebagai 'pangkalan' Pasukan Peronda Sukarela (PPS) namun ditransformasikan bagi memenuhi keperluan penduduk di sini.

"Sebelum ini, Pusat Khidmat ADUN Air Itam yang terletak di Jalan Paya Terubong menjadi tumpuan semua penduduk di Air Itam ini terutamanya pengunjung Pasar Awam Air Itam kerana jaraknya yang dekat.

"Namun, pusat khidmat tersebut adalah agak jauh bagi penduduk di Kampung Melayu dan Farlim, maka sebagai alternatif tempat yang dahulunya menjadi pusat operasi PPS, ia diubah suai menjadi sebuah pusat komuniti.

"Sejak itu, banyak aktiviti diadakan di pusat komuniti ini, selain strategik, pusat komuniti ini juga selesa kerana mempunyai ruang parkir yang banyak dan juga berhampiran taman.

"(Dan) dari segi perkhidmatan di pusat khidmat pula, kini tidak lagi padat kerana 'dipindahkan' ke pusat komuniti ini melibatkan penduduk lokal di kawasan sekitar Kampung Melayu.

"Tambahan pula, dengan penggunaan telefon pintar dan aplikasi seperti *WhatsApp* dan *Facebook*, ia telah memudahkan kerja-kerja seperti cara-cara mengendalikan aduan dan sebagainya," ujarnya ketika ditemui di Pusat Komuniti KADUN Air Itam pada 18 Julai lalu.

Mengulas lanjut, Soon Siang memaklumkan bahawa Pusat Komuniti KADUN Air Itam yang terletak di Lintang Kampung Melayu 1 itu adalah berhampiran kawasan perumahan yang majoritinya daripada golongan berpendapatan rendah, B40 dan berpendapatan sederhana, M40.

"Kebanyakan program yang dirancang di pusat komuniti ini juga adalah untuk memenuhi keperluan mereka dan secara umum, saya anggap pusat komuniti ini telah berjaya memberi khidmat kepada penduduk di sini terutamanya dari segi kebajikan serta informasi semasa Kerajaan Negeri," ulasnya.

Difahamkan, sebelum ini, pusat komuniti tersebut pernah menjadi tempat penganjuran bagi program imunisasi flu secara percuma selama dua hari dan telah memanfaatkan lebih 100 warga emas di sini.

"Bukan itu sahaja, untuk program *'food bank'* juga, kita akan adakan sebanyak dua kali dalam seminggu iaitu pada hari Rabu, sekali di sini dan sekali di pusat khidmat.

"Saya juga amat mengalu-alukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pihak-pihak berkepentingan lain seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) supaya memanfaatkan pusat komuniti ini.

"Banyak program kerjasama pernah dianjurkan sebelum ini dan saya berharap akan ada pihak yang boleh tampil bekerjasama menganjurkan program-program kemasyarakatan bersama-sama komuniti lokal di sini," serunya.

Pusat Komuniti KADUN Air Itam dibuka setiap hari Khamis bermula jam 7 malam sehingga 9 malam dan setiap hari Sabtu dari 10 pagi sehingga 1 tengah hari.

## Menaik taraf kemudahan di Pusat Komuniti

Ditanya mengenai saranan Ketua Menteri untuk mewujudkan Pusat Penang2030 di semua KADUN bagi memperkasakan lagi agenda pembangunan sosial di negeri ini, Soon Siang berkata pihaknya mungkin akan menjenamakan semula Pusat Komuniti KADUN Air Itam ini atau mencari lokasi lain yang bersesuaian.

"Pada saya tidak menjadi masalah (untuk menjenamakan semula) kerana kedua-dua pusat, sama ada pusat komuniti mahupun Pusat Penang2030, mempunyai fungsi dan matlamat sama iaitu sebagai platform untuk penganjuran aktiviti demi manfaat komuniti setempat.

Pada masa sama, Soon Siang memberitahu bahawa pihaknya turut mengemukakan permohonan bagi menambah baik kemudahan di pusat komuniti tersebut.

Antaranya adalah untuk membina struktur bumbung tambahan bagi memudahkan orang awam khasnya warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak berteduh apabila berurusan di sini.

*(Sambungan di muka 7).*

# Projek dua jambatan jangka kurang risiko banjir kilat



SESI lawatan ke tapak jambatan baru di Jalan Hassan Abbas bersempena Sesi Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Balik Pulau di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang baru-baru ini.

**TELUK BAHANG -** Dua jambatan baharu yang kini dalam pembinaan di Jalan Hassan Abbas dan Jalan Kampung Rawai diharap dapat mengurangkan impak banjir kilat serta membawa keselesaan kepada penduduk dekat sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peruntukan sebanyak RM2.52 juta bagi menaik taraf jambatan baharu di Jalan Hassan Abbas adalah bagi melancarkan aliran air yang melalui jambatan tersebut.

"Projek ini adalah bertujuan menangani banjir kilat di kawasan ini kerana apabila berlakunya hujan lebat, didapati aliran air tidak lancar ekoran saiz *'box culvert'* kecil sehingga memerangkap sisa-sisa dan seterusnya menghalang air daripada mengalir dengan baik.

"Saya masih ingat kerana masa itu tahun 2017 berlaku banjir dan saya merupakan Exco Tebatan Banjir, akhirnya projek ini dapat dijalankan oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dan pelaksanaannya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Barat Daya.

"Pembinaan jambatan berukuran 10 meter tersebut bakal menyediakan akses lebih cekap, selamat serta baik kepada pengguna dan ia dijangka siap pada Mac 2023," ujarnya pada sesi lawatan projek pembinaan jambatan baru di Jalan Hassan Abas bersempena Sesi Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Balik Pulau di sini pada 7 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Balik Pulau merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Angkat Teluk Bahang, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar, Teh Lai Heng; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang, barisan Ahli Majlis MBPP dan jurutera-jurutera JPS serta JKR.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa bagi projek kedua di Kampung Rawai, peruntukan RM2.04 juta disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi menggantikan jambatan baharu ekoran jambatan lama yang usang.

"Sebelum ini jambatan lama tidak dapat menampung kenderaan besar, hanya pejalan kaki, motosikal dan basikal sahaja yang dapat melaluinya.

"Setelah siap, kenderaan seperti kereta boleh melalui jambatan yang dijangka siap pada Julai 2023 berkaitan," jelasnya yang turut berharap penduduk setempat dapat bersabar dengan kesulitan dilalui kini demi kepentingan serta keselesaan pada masa depan.



TAPAK pembinaan jambatan baru di Jalan Hassan Abbas.





## HEBAHAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERMOHONAN RUMAH MAMPU MILIK NEGERI PULAU PINANG DI BAWAH LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG (LPNPP)

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) memaklumkan keperluan kepada kesemua pemohon Rumah Mampu Milik Negeri Pulau Pinang untuk mengemaskini maklumat permohonan bagi pemohon yang telah memohon pada tahun 2018 dan sebelumnya. Pengemaskinian maklumat ini penting bagi membolehkan permohonan anda kekal berstatus aktif dan terkini.

Pengemaskinian maklumat boleh dibuat secara *online* melalui Portal Rasmi LPNPP iaitu *www.lpnpp.gov.my* atau aplikasi mudah alih eRumah@LPNPP ataupun secara manual dengan memuat turun borang di Portal Rasmi LPNPP. Tempoh pengemaskinian adalah bermula 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

**Bagaimana untuk memastikan permohonan Rumah Mampu Milik anda KEKAL BERSTATUS AKTIF?**

Perkara **PALING UTAMA** kepada semua permohonan Rumah Mampu Milik pada tahun 2018 dan sebelumnya untuk membuat pengemaskinian maklumat permohonan melalui Portal Rasmi LPNPP atau aplikasi mudah alih eRumah@LPNPP.

**Kenapa pengemaskinian permohonan Rumah Mampu Milik ini perlu dibuat?**

1. Tanpa pengemaskinian maklumat permohonan bermula dari Tahun 2018 dan sebelumnya, maklumat dalam permohonan yang dikemukakan menjadi **TIDAK AKTIF**; dan
2. Sekiranya tidak aktif, permohonan Rumah Mampu Milik akan tidak tersenarai dalam pemilihan semasa penawaran rumah dibuat.

Oleh itu, kepada pemohon Rumah Mampu Milik yang ingin mengemaskini permohonan, kemaskini boleh dilakukan dengan dua (2) kaedah iaitu kemaskini secara *onlinex* atau menghantar borang yang telah dimuat turun di Portal Rasmi LPNPP ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Paras 20, KOMTAR.

Pengemaskinian permohonan Rumah Mampu Milik boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:

**A) Cara Pengemaskinian Permohonan Rumah Mampu Milik Secara Online:**

1. Pengemaskinian boleh dibuat melalui Portal Rasmi LPNPP iaitu *www.lpnpp.gov.my* atau aplikasi mudah alih eRumah@LPNPP; dan
2. Borang PN1 yang telah dikemaskini boleh dimuat turun dan perlu disahkan bersama-sama dokumen sokongan hendaklah dihantar secara serahan tangan atau diposkan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Tingkat 20 KOMTAR.
3. Maklumat pemohon boleh dikemaskini secara *online* mulai 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

**B) Cara Pengemaskinian Permohonan Rumah Mampu Milik Secara Manual:**

1. Pemohon perlu mengisi semula Borang PN1 yang boleh dimuat turun di Portal Rasmi LPNPP iaitu *www.lpnpp.gov.my*.
2. Pemohon juga perlu kemukakan dokumen sokongan bersama-sama Borang PN1 yang telah dimuat turun di Portal Rasmi LPNPP seperti berikut:
   i. Salinan Kad Pengenalan pemohon dan pasangan;
   ii. Salinan Penyata Gaji pemohon dan pasangan (Akuan sumpah jika tidak bekerja atau bekerja sendiri pemohon dan pasangan);
   iii. Salinan Pendaftaran SSM (sekiranya berniaga sendiri);
   iv. Salinan Borang B Perniagaan (BE form – LHDN) (sekiranya berniaga sendiri);
   v. Salinan KWSP pemohon dan pasangan;
   vi. Salinan CCRIS pemohon dan pasangan;
   vii. Salinan Semakan Daftar Pemilih (SPR) pemohon;
   viii. Salinan Sijil Perkahwinan atau salinan Sijil Cerai; dan
   ix. Salinan Perjanjian Jual Beli (S&P) sekiranya memiliki hartanah.
3. Borang PN1 dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara serahan tangan ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang, Paras 20, KOMTAR.
4. Pemohon yang ingin mengemaskini maklumat permohonan secara manual boleh dilakukan mulai 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

Para pemohon boleh menyemak nama dan status di Portal Rasmi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) iaitu *https://www.lpnpp.gov.my*.

Jadi, segera kemaskini untuk mengekalkan status **AKTIF** bermula daripada 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.

**"KEMASKINI UNTUK KEKAL KEMAS DAN TERKINI"**

# Projek *'ramp'* Tanjong Asam harap manfaatkan penduduk



RUPA bentuk pembinaan *'ramp'* kini.



**KETUA Menteri merakamkan gambar kenangan bersama-sama pasukan Bomba dan Penyelamat bersempena sesi lawatan khas pembinaan *'ramp'* bagi tujuan keselamatan dan menyelamat yang terletak di Tanjong Asam dekat sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS -** Jelajah ❤PENANG Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ke Parlimen Balik Pulau turut melawat tapak projek pembinaan *'ramp'* bagi tujuan keselamatan dan menyelamat yang terletak di Tanjong Asam dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik, Pegawai Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan anggota-anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) turut sertai lawatan tersebut.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa projek tersebut adalah bernilai RM100,000 yang mana proses pembinaan kini mencapai 70 peratus dan dijangka siap pada hujung bulan ini.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong bersama-sama barisan pemimpin Kerajaan Negeri lain turut merakamkan gambar kenang-kenangan di papan tanda '❤PENANG' di pantai Tanjong Asam di sini.


DESA IMPIAN II
ALMA. BM

* Hakmilik Bebas * 5% diskaun untuk Bumiputera








**Rumah Teres Dua Tingkat** | **Rumah Berkembar Dua Tingkat** | **Pelan Lokasi**

Keluasan Binaan : 26'x50' Keluasan Lantai : 26'x82'

Keluasan Binaan : 32'x50' Keluasan Lantai : 45'x96'

Pemaju:
ASAS DUNIA BERHAD (198201014764)(94528T)
Tuan tanah: Asas Mutiara Sdn Bhd (168171P)

Alamat :
Hijauan Hills Galeri Jualan
No.2 Jalan Hijauan Hills 3, Hijauan Hills
14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang
Tel : 04-5633999 Fax : 04-5631999

Ibu Pejabat Pulau Pinang
Wisma Asas, 228 Lebuh Chulia
10200 Pulau Pinang
Tel : 04-2559999 Fax : 04-2559888

*Untuk pertanyaan sila hubungi:* ***016-4153215***

**No Lesen Pemaju Perumahan :** 2687/03-2024/0147(A) **Tempoh sah :** 5.3.2022 - 4.3.2024
**No Permit Iklan & Jualan :** 2687-57/12-2022/03420 **Tempoh sah :** 15.12.2021 - 14.12.2022
**Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan :** Majlis Bandaraya Seberang Perai
**No. Pelan Bangunan :** MBSP/40/20-45/108
**Tarikh Dijangka Siap :** Disember 2022
**Rumah Teres Dua Tingkat (110 unit) Harga: RM785,0000(min) - RM1,119,780(max)**
**Rumah Berkembar Dua Tingkat (16 unit) Harga: RM980,000(min) - RM1,055,300(max)**

*** Tiada Gadaian Tanah** (Iklan Ini Telah Diluluskan Oleh Jabatan Perumahan Negara)

# Naik taraf Padang Awam Teluk Kumbar bakal dibawa ke peringkat seterusnya

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN LEPAS -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa cadangan menaik taraf Padang Awam Teluk Kumbar kali kedua akan dibawa ke peringkat selanjutnya tahun hadapan.

Beliau berkata demikian ketika melawat padang tersebut yang siap dinaik taraf baru-baru ini dengan peruntukan Kerajaan Negeri bernilai RM200,000 bersempena Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Balik Pulau pada 7 Ogos lalu.

"Di DUN (Dewan Undangan Negeri) Bayan Lepas, kita tahu YB Azrul Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas) banyak bangkitkan isu setempat khususnya membabitkan dewan orang ramai tertutup dan juga berhubung pengurusan serta penyeliaan dewan kepada Kerajaan Negeri supaya ia dapat dipulihkan dan dibuka semula.

"Bagi padang bola sepak (padang awam) yang masih memerlukan kerja-kerja naik taraf, kita akan bawa isu ini melalui proses kerja-kerja tanah dan sebagainya pada tahun akan datang," ujarnya yang turut menyempurnakan sepakan penalti pada perlawanan melibatkan Kelab Bola Sepak Teluk Kumbar di sini.



**KETUA Menteri memberi kata-kata semangat kepada anak-anak muda yang mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak yang diadakan bersempena Jelajah ❤PENANG Parlimen Balik Pulau ke Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan pemimpin-pemimpin komuniti setempat.

Dalam sesi jelajah ke Teluk Kumbar, Kon Yeow turut menyampaikan Sijil Penghargaan Ikon Sukan Bola Sepak DUN Bayan Lepas kepada Mohamad Firdaus Muhamad dan Sijil Penghargaan Ikon Atlet Sukan Layar (Pingat Emas Sukan SEA) kepada Israr Hazim Ismail.

Mengulas mengenai Jelajah ❤PENANG yang giat dijalankan kini, Kon Yeow menyatakan bahawa ia adalah sebagai pemangkin semangat kepada rakyat Pulau Pinang untuk bangkit semula pasca pandemik COVID-19.

"Walau apa jua sektor, saya percaya semua pihak terjejas ekoran pandemik ini, dan sebagai Kerajaan Negeri, kita akan bersama-sama rakyat pulihkan sosioekonomi untuk kehidupan rakyat yang lebih sejahtera," ulasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam merealisasikan Teluk Kumbar sebagai bandar sukan pula, Azrul Mahathir berharap Kerajaan Negeri juga dapat membantu membina gelanggang futsal dan sepak takraw selain usaha naik taraf Padang Awam Teluk Kumbar yang dijalankan kini.

---

# Silang Kata 'Dari Gabenor Ke TYT'

## Siri 1

Tarikh tutup bagi Siri 1: **31 Oktober 2022**

### Melintang

3. Kediaman rasmi pertama Gabenor Pulau Pinang
5. Taraf jawatan Kapten Francis Light
7. Konsep reka bentuk bangunan Seri Mutiara
9. George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia ..........
10. Lokasi makam Allahyarham Tun Syed Sheh Abdullah Shahabudin
12. Sukan kegemaran Tun Abdul Rahman Abbas
13. Pentas khas bagi majlis-majlis istiadat
14. Nama asal kediaman rasmi Seri Mutiara

### Menegak

1. Maksud warna kuning bendera Pulau Pinang
2. Kerjaya awal Allahyarham Tun Syed Sheh Barakbah
4. Negeri asal kerabat Allahyarham YAM Raja Tun Uda
6. Tuan Yang Terutama Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dilantik sebagai Canselor ..........
8. Sebelum George Town, Pulau Pinang lebih dikenali sebagai Tanjung ..........
9. Bapa kepada Allahyarham Tun Hamdan Sheikh Tahir merupakan .......... terkenal
11. Tempat kelahiran Allahyarham Tun Sardon Jubir



**Lengkapkan slogan di bawah:**
Pameran Dari Gabenor Ke TYT merupakan pameran yang ..............................................................................................
..............................................................................................................................................
..............................................................................................................................................
*(tidak melebihi 20 patah perkataan)*

PENANG 2030 ❤PENANG BULETIN MUTIARA PSAG PENANG STATE ART GALLERY

**Sila lengkapkan butiran berikut :**

Nama Penuh: ..............................................................
No. Kad Pengenalan: ..............................................................
Alamat: ..............................................................
..............................................................
..............................................................
No. Telefon: (Bimbit) ..............................................................
Emel: ..............................................................

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Lengkapkan silang kata berserta slogan paling kreatif tidak melebihi 20 patah perkataan.
3. Hanya borang penyertaan asli boleh digunakan.
4. Peserta hanya boleh menghantar **SATU** penyertaan sahaja.
5. Hanya penyertaan lengkap akan diadili.
6. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
7. Tarikh TUTUP bagi Siri 1 ialah **31 Oktober 2022**.
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-650 5564/5256/5704.
9. Hantar penyertaan ke :
   Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata - Dari Gabenor ke TYT,
   Tingkat 47 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

**Jawapan silang kata boleh didapati di Pameran Dari Gabenor ke TYT yang berlangsung di Dewan Sri Pinang bermula 15 Ogos - 27 Oktober 2022.**

**Hadiah:**

**Pertama:** RM300 + barangan cenderamata

**Kedua:** RM200 + barangan cenderamata

**Ketiga:** RM100 + barangan cenderamata

# Blok baharu Pantai Hospital nilai tambah pelancongan kesihatan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Projek pembinaan blok perubatan baharu serta kerja-kerja pengubahsuaian blok sedia ada *Pantai Hospital Penang* (Pantai Hospital) yang menelan kos sebanyak RM200 juta dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2026.

Ketua Pegawai Eksekutif Pantai Hospital, Pan Wek Lek berkata bahawa blok baharu setinggi tujuh tingkat dan memenuhi piawaian Indeks Bangunan Hijau itu akan dibina di kawasan tempat letak kereta terbuka sedia ada hospital tersebut iaitu di belakang bangunan perubatan kini.

"Fasa 1 iaitu pembinaan blok perubatan baharu dijadualkan siap pada suku keempat 2024 manakala Fasa 2 iaitu kerja-kerja pengubahsuaian bangunan sedia ada akan dilakukan selepas blok perubatan siap dan dijangka siap pada suku kedua 2026.

"Projek ini bakal menawarkan rangkaian kepakaran komprehensif dan khidmat penjagaan kesihatan berkualiti kepada pesakit bukan sahaja di seluruh Pulau Pinang malah negeri lain," ujarnya pada majlis pecah tanah projek berkaitan yang berlangsung di sini pada 6 Ogos 2022.

Menurut Wek Lek, blok perubatan baharu berkaitan dilengkapi dengan 117 katil; 14 unit rawatan rapi (ICU); unit rawatan kritikal (CCU); unit dependensi tinggi (HDU); 36 suit perundingan; empat bilik endoskopi; makmal kateterisasi jantung dan lima dewan bedah.

"Pantai Hospital mula beroperasi pada Julai 1997 dengan hanya enam kepakaran dan 30 kakitangan serta sembilan perunding.

"Hari ini, Pantai Hospital menawarkan pelbagai perkhidmatan dan kepakaran termasuk kardiologi, neurologi, ortopedik, pembedahan saraf, pembedahan kardiotoraks, radioterapi dan onkologi.

"Malah, Pantai Hospital merupakan satu-satunya yang mempunyai Stroke Centre (Pusat Strok) bagi wilayah Utara Semenanjung.

"(Dan) menjelang 2026 nanti, secara keseluruhan *Pantai Hospital Penang* mempunyai kemudahan 307 katil dengan 30 katil di ICU, CCU, HDU; suit perundingan (89); dewan bedah (10); makmal kateterisasi jantung (2); bilik endoskopi (5) dan ruang parkir (440)," jelasnya.

Difahamkan, pembangunan terbaru Pantai Hospital itu bakal mewujudkan kira-kira 1,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif IHH Healthcare Malaysia, Jean-Francois Naa menyatakan bahawa Pantai Hospital dan *Gleneagles Hospital Penang* (kedua-duanya merupakan anak syarikat di bawah IHH Healthcare Malaysia) adalah peneraju dalam rangkaian penjagaan kesihatan.




**KETUA Menteri bersama-sama dif-dif jemputan lain menyempurnakan majlis pecah tanah pembangunan blok baharu *Pantai Hospital Penang* di sini baru-baru ini.**



**TAPAK pembangunan blok perubatan baharu.**

"Kedua-dua hospital ini sering bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan penjagaan kesihatan berkualiti dapat diberikan kepada semua.

"IHH Healthcare dianggap sebagai salah satu penyedia penjagaan kesihatan terkemuka di dunia yang mana telah bertapak di 10 buah negara.

"Di Malaysia, rangkaian 16 hospital kami seperti Pantai Hospital, *Gleneagles Hospital* dan Pusat Perubatan Prince Court (di Kuala Lumpur) cukup terkenal dengan kepakaran klinikal yang luas, perkhidmatan perubatan yang cemerlang, kualiti penjagaan dan teknologi perubatan termaju.

"Malah, kami berhasrat untuk menambah lebih ramai profesional dalam penjagaan kesihatan di Pantai Hospital di samping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan kerjaya untuk rakyat tempatan," ulasnya.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyempurnakan upacara pecah tanah projek berkaitan memaklumkan bahawa antara aspirasi di bawah Visi Penang2030 adalah untuk meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan.

"Maka, pembangunan terbaru *Pantai Hospital Penang* ini amat menyokong tonggak Visi Penang2030.

"*Pantai Hospital Penang* merupakan salah satu hospital swasta yang begitu komited serta menyokong sepenuhnya rancangan pembangunan negeri dalam memastikan penyampaian penjagaan kesihatan bertaraf dunia di Pulau Pinang.

"Projek ini menjadi nilai tambah yang sangat memberangsangkan terutama terhadap industri pelancongan penjagaan kesihatan negeri yang sudah berkembang maju," katanya.

Hadir sama pada majlis berkaitan, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; Pengerusi IHH Healthcare, Tan Sri Mohammed Azlan Hashim; Ketua Pegawai Operasi IHH Healthcare Malaysia, Ivan Loh; Pakar Perunding dan Bedah Telinga, Hidung dan Kerongkong (ENT) Pantai Hospital, Dr. Zulkefli Hussein dan Pengasas Bersama Pantai Hospital, Datuk Dr. Godfrey Geh Sim Wah.

*(Sambungan dari muka 3).*

# Destinasi tumpuan pelancong

"Dari segi landskap, di tepi pusat komuniti ini, saya mencadangkan supaya diadakan aktiviti pertanian dalam bandar bagi menambahkan suasana segar dan hijau di sini.

"(Dan) pastinya saya mempunyai lain-lain perancangan dari semasa ke semasa bagi memastikan penduduk di KADUN Air Itam tidak tercicir daripada menerima manfaat sama ada melalui program-program dan aktiviti Kerajaan Negeri mahupun limpahan ekonomi Pulau Pinang secara langsung ataupun tidak," ujar anak jati Air Itam itu.

Terdahulu, Soon Siang turut berkongsi mengenai pembangunan semasa di KADUN Air Itam.

Jelas beliau, Air Itam kini menjadi antara destinasi tumpuan pelancong terutama ketika hujung minggu. Selain terkenal dengan Bukit Bendera dan Kek Lok Si, Air Itam juga dikenali dengan makanan jalanan seperti laksa dan mi kari.

"Tahun lalu, kita telah memperkenalkan enam mural dan sebuah arca melalui projek *'My Home, My Air Itam'*, yang mana tujuannya adalah untuk menambah nilai pelancongan di kawasan ini.

"Pastinya, saya bercadang untuk menambah baik beberapa lokasi bagi membolehkan bukan sahaja warga tempatan malah pelancong dari luar negeri menikmati percutian mereka di sini.

"Air Itam mempunyai banyak untuk ditawarkan kepada pengunjung yang pastinya ada tempat-tempat yang unik serta menjadi spot *Instagrammable* yang perlu dikunjungi," ulasnya lanjut.




**ANTARA mural yang menjadi tumpuan pengunjung di Air Itam.**

# 'DIAMOND JUNCTION' siap lebih awal, jimat RM7 juta

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN -** Projek Persimpangan Bertingkat *(Diamond Junction)* yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bukan sahaja berjaya disiapkan kira-kira sebulan lebih awal berbanding jadual pemajuan iaitu pada 10 Jun lepas, malah berjaya menjimatkan sebanyak RM7 juta daripada anggaran asal kos pembinaan.

Mewakili Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa pihaknya berharap tarikh penyerahan projek tersebut kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dijangka akan dilaksanakan pada Disember tahun ini dapat berjalan lancar sebagaimana dirancang.

"Kejayaaan projek ini adalah disebabkan PDC melibatkan semua pemegang taruh di samping melantik kontraktor yang berwibawa…bukan sahaja siap cepat, malah jimat kos juga.

"Jalan *(Diamond Junction)* ini mula dibuka untuk kegunaan orang ramai mulai 22 Ogos 2022.

"Kerajaan Negeri yakin dengan adanya persimpangan bertingkat ini, pertumbuhan ekonomi dan sosial dapat berkembang dengan lebih pesat bukan sahaja bagi kawasan Bandar Cassia, bahkan di sekitar daerah Seberang Perai Selatan (SPS)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga dalam Majlis Perasmian Penyiapan Projek Persimpangan Bertingkat *(Diamond Junction)* dekat Bandar Cassia di sini pada 21 Ogos 2022.

Dalam perkembangan berkaitan, Zairil menyatakan bahawa pihaknya turut berharap Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengambil pendekatan yang holistik bagi memastikan pembangunan di daerah SPS dapat terus berkembang dengan lebih pesat untuk dinikmati oleh penduduk setempat.

"Selaras dengan Visi Penang2030 (dengan tema) 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara', projek ini menandakan satu lagi peristiwa penting dalam pertumbuhan dan kemajuan negeri dari segi pembangunan infrastruktur yang seimbang di bahagian pulau dan tanah besar (Seberang Perai)," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada semua pemegang taruh dalam projek infrastruktur awam ini.

Dengan siapnya projek *'Diamond Junction'* ini, Buletin Mutiara difahamkan bahawa ia akan menambah baik sistem aliran trafik di Lebuhraya Bandar Cassia dari persimpangan lampu isyarat ke persimpangan bertingkat lampu isyarat dua lorong dua hala.

Di samping itu, projek berkaitan juga akan memberi manfaat kepada penduduk setempat iaitu melalui jarak perjalanan lebih singkat dan lancar ke *Central Business District* (CBD) dan Taman Perindustrian Bandar Cassia (BKIP).

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar menjelaskan bahawa panjang keseluruhan projek tersebut adalah 1,080 meter (m) yang merangkumi 592m pelebaran jalan Lebuhraya Bandar Cassia dari jalan berkembar dua lorong kepada tiga lorong.

Dalam projek sama juga, menurut beliau, turut merangkumi pemajuan 488 meter bagi Persimpangan Bertingkat *(flyover)* lampu isyarat dengan dua lorong dua hala dari kawasan utara Bandar Cassia menghala ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan BKIP.

"Selain itu, struktur jambatan ini mempunyai sembilan *'span'* dengan menggunakan *'pre-cast u-beam'* yang disokong oleh 10 struktur tiang konkrit *(pier)* dan *'crosshead'*.

"Saya juga ingin menekankan bahawa projek ini telah mengambil kira aspek *'value engineering'*, pematuhan jadual kerja dan pengurusan projek yang berkenaan dan seterusnya ia telah memberi impak yang ketara kepada penjimatan kos akhir pembinaan iaitu sebanyak RM7 juta daripada anggaran asal kos pembinaan," ulasnya.

ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik yang juga 'ADUN Angkat' Sungai Acheh dan Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad merupakan antara pemimpin Kerajaan Negeri yang menyertai gimik acara parasmian penyiapan projek berkaitan.



**ZAIRIL Khir Johari (berkemeja putih) dan wakil-wakil berkaitan meneliti perincian projek bersempena Majlis Perasmian Penyiapan Projek Persimpangan Bertingkat (Diamond Junction) di sini baru-baru ini.**



**RUPA bentuk lebuh raya yang telah siap dan sedia digunakan.**

# Kejohanan dunia, dua pemain bola tampar pantai terima sumbangan

**PERMATANG PASIR –** Dua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Penanti yang bakal mewakili negara di Kejohanan Dunia Bola Tampar Pantai Bawah 19 Tahun menerima sumbangan khas daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil baru-baru ini.

Kedua-dua pelajar tersebut, Farwizah Aina Ahmad Nizar, 18, dan Nur Auni Maisarah Shamsul Rizal, 15, dijadualkan berlepas ke Turki pertengahan September ini.

"Bagi pihak Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir dan Kerajaan Negeri, saya ingin menzahirkan kebanggaan kerana mereka ini cemerlang dalam sukan bola tampar pantai dan sekaligus mengharumkan nama negara.

"Saya juga berasa bangga sebab ada anak muda mampu bermain sukan yang agak asing di negara kita dan berjaya ke peringkat tertinggi atas semangat disiplin untuk meletakkan diri mereka sebaris dengan pemain handalan dunia," ujar Muhammad Faiz dalam satu sidang media di Pusat Khidmat DUN Permatang Pasir, Kampung Petani di sini 23 Ogos lalu.

Turut hadir, rakan sepelatih yang turut cemerlang dalam sukan bola tampar pantai, Noor Aishah Iskandar, 17.

Ketiga-tiga pemain terbabit ketika ditemui Buletin Mutiara memaklumkan bahawa minat terhadap bola tampar pantai itu hadir hasil dorongan guru mereka sebelum ini.

Antara kejayaan ditempa adalah menerusi Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan SEA dan kelayakan Sukan Komanwel.

Farwizah Aina dalam pada itu bertekad untuk melakukan sehabis baik kerana sedar lawan mempunyai saiz fizikal dan pengalaman yang menjadi kelebihan.

"Kami juga gigih berlatih dua kali sehari dalam memantapkan permainan dan memberikan saingan terbaik pada kejohanan tersebut kelak," jelasnya.



**MUHAMMAD Faiz Fadzil (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan khas kepada salah seorang wakil pelajar yang bakal menyertai Kejohanan Dunia Bola Tampar Pantai Bawah 19 Tahun di Turki dekat sini baru-baru ini.**

# Sungai landskap penting, nadi kehidupan komuniti lokal

**PADANG LALANG** - Jelajah Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow Ke Parlimen Bukit Mertajam dengan tema '❤ PENANG' turut meluangkan masa melawat keindahan Sungai Rambai yang dianggap sebagai landskap alam semula jadi serta mempunyai pelbagai fungsi penting untuk komuniti lokal.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa Sungai Rambai suatu masa dahulu pernah terbiar dan dipenuhi sampah sarap, tetapi kini kian bersih serta menjadi tumpuan penduduk tempatan untuk aktiviti bersenam dan riadah.

"Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng yang juga Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dan pasukannya (iaitu) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Ahli Majlis (bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP) dan komuniti setempat yang sentiasa bekerjasama mengadakan aktiviti gotong-royong sejak tahun 2019," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong selepas menyempurnakan acara perasmian papan tanda '❤ PENANG' di sini pada 13 Ogos 2022.

**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakamkan gambar kenangan Ketika sesi lawatan ke Sungai Rambai bersempena Jelajah ❤ PENANG Ke Parlimen Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**




Selain Chong Eng, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong, dua Ahli Majlis MBSP, Bernard Cheen Goon Hooi dan Rachel Teh Chuann Yien turut sertai jerayawara tersebut di sini.

Jelajah ❤ PENANG Ke Parlimen Bukit Mertajam selepas itu turut melawat gelanggang bola keranjang Taman Tan Sai Gin bagi menyertai acara senaman *'Qi Gong'* bersama-sama komuniti penduduk lokal di sini.

Buletin Mutiara difahamkan, kerja-kerja penambahbaikan gelanggang sedia ada bermula pada 2018 dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM346,713.78 yang mana dua pertiga kos dibiayai oleh ADUN dan Ahli Parlimen sementara baki sepertiga kos lagi ditanggung penduduk lokal.

Chong Eng dan Chee Keong sendiri menyempurnakan acara perasmian projek penambahbaikan gelanggang bola keranjang berbumbung tersebut pada hujung tahun 2020.

# RM30,000 demi pastikan pusat jagaan Sinar Ceria teruskan operasi

**MACHANG BUBUK** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bantuan permulaan berjumlah RM30,000 kepada pusat jagaan anak yatim Sinar Ceria dekat Taman Sejahtera di sini.

Ketika mengumumkan perkara itu, beliau menyatakan bahawa pusat jagaan tersebut sebelum ini meneruskan operasi dengan hanya bergantung sepenuhnya kepada sumbangan dana awam.

"Kerajaan Negeri akan cuba menyalurkan peruntukan ini dalam sedikit masa lagi bagi membantu pusat jagaan anak yatim Sinar Ceria dapat meneruskan operasi mereka.

"Pusat jagaan ini memainkan peranan yang penting kerana menjaga kanak-kanak yang tidak ada tempat perlindungan yang mana ia telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Oleh itu, kita adakan lawatan ke sini untuk melihat sendiri perkara-perkara yang diperlukan oleh pusat jagaan ini," katanya kepada Buletin Mutiara selepas mengadakan lawatan ke pusat jagaan itu sempena Jelajah ❤PENANG Ke Parlimen Bukit Mertajam di sini 13 Ogos lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon serta Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), P. David Marshel.

Selain masalah kewangan, Kon Yeow juga menyatakan bahawa pusat jagaan Sinar Ceria turut berdepan isu mencabar iaitu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan.

"Ada dalam kalangan kanak-kanak di sini yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan sebagainya kerana mereka datang daripada keluarga bermasalah seperti ibu bapa telah meninggal dunia atau tidak dapat dikesan.

"Isu ini pastinya akan menjejaskan masa depan kanak-kanak di sini termasuk (menjejaskan) peluang mereka untuk mendapatkan pendidikan.

